

**PENDOKUMENTASIAN WARISAN WATAN ALAM MELAYU  
YANG TERANCAM PUPUS: FOKUS PADA AMALAN *UNTUN'*  
*KEDUROKSUKU KETUNGAU SESAT***

***(DOCUMENTATION OF AN ENDANGERED MALAY WORLD CULTURAL  
HERITAGE: EMPHASIS ON THE UNTUN' KEDUROK PRACTICES OF THE  
KETUNGAU SESAT TRIBE)***

**Hendrikus Mangku, Chong Shin & Dominikus Dewanda**

**Abstrak**

---

Istilah *untun' kedurok* merupakan amalan perubatan tradisional suku Ketungau Sesat di Kalimantan Barat. Amalan ini bertujuan untuk mengubati pesakit yang berpunca daripada gangguan roh orang yang telah meninggal. Susulan daripada permodenan dalam perubatan dan agama, petua perubatan kian pupus ini dan kini hanya dikenali oleh segelintir golongan tua sahaja. Sebagai salah satu warisan watan, adalah pendokumensian dilakukan sebelum ianya pupus. Kajian ini menggunakan kaedah wawancara dan pemerhatian ikut serta untuk mengumpulkan data secara kualitatif daripada lapangan. Hasil kajian akan dideskripsikan secara terperinci sejajar dengan pendekatan pendokumentasian. Hasil kajian menunjukkan bahawa *untun' kedurok* diamalkan untuk mengubati penyakit ringan seperti loya, muntah, pening dan badan kurang selesa. Seperti amalan perubatan tradisional lain, terdapat beberapa prosedur yang terlibat, iaitu *persiapan, menukar darah pesakit, betanyo, minto pemulang, pengembalian darah*. Sepanjang proses pengubatan, turut disertakan dengan bacaan mantera yang berkaitan. Melalui paparan yang berstruktur ini, senario pengamalan tradisi warisan tradisi ini telah dibentangkan dan seterusnya didokumentasikan sebagai arkib untuk rujukan generasi masa hadapan.

---

**Kata Kunci:** Untun' kedurok, perubatan tradisional, Ketungau Sesat, Rambut

**Abstrak**

---

*Untun' kedurok refers to a traditional treatment practiced by the Ketungau Sesat tribe in West Kalimantan. This practice attempts to heal patients who are believed to be affected by spirit of the deceased. This medical options are becoming extinct as a result of modernism in healthcare, and are now only comprehended by a few elderly people. As one of the local wisdom, documentation is necessary before it disappears. This study collects qualitative data from the field through interviews and participant observation. The study's findings will be reported in depth in accordance with the documentation approach. There are various steps involved in this tradition healing, such as *persiapan, menukar darah pesakit, betanyo, minto pemulang and pengembalian darah*. Throughout the healing process, related mantras are uttered. Through this structured presentation, the scenario of the practice of this*

*traditional heritage tradition has been demonstrated and further documented as an archive for future generations.*

---

**Keywords:** *Untun' kedurok, traditional healing, Ketungau Sesat, Hair*

## PENGENALAN

Perubatan tradisional merupakan amalan tradisi yang tidak boleh terpisah dengan kehidupan masyarakat Alam Melayu pada zaman dulu. Pada umumnya, amalan ini diwarisi secara turun temurun oleh masyarakat dan dikenali dengan istilah seperti pembomohan dan pendukunan. Selain menggunakan herba yang didapati daripada alam semula jadi, perubatan ini juga melibatkan unsur-unsur *ilmu magis*. Sebagai contoh, dalam Skeat (1900:408) dilaporkan bahawa perubatan tradisional masyarakat Melayu di Semenanjung pada ketika itu terdapat penggunaan *minyak bugis* dan berbagai mantera untuk pengubatan. Amalan perubatan tradisional pembomohan ini juga berlaku di Borneo Barat iaitu di Kalimantan Barat dan Sarawak. Di Sarawak amalan perubatan ini pernah dilaporkan Sandin (1969, 1982). Dalam masyarakat Iban, amalan pembomohan ini disebut dengan *belian/pelian* (Robert et al. 2002). Ritual *Belian* dipimpin oleh seorang *manang* atau dukun (lihat Drake 1990). Dalam konteks Kalimantan Barat, amalan *belian* ini sudah mulai berkurang. Pada kebiasaannya, amalan perubatan tradisional dilaksanakan ketika seseorang itu masih tidak sembuh selepas dirawat di hospital ataupun mempunyai tanda tertentu yang menunjukkan pesakit tersebut kena “penyakit kampung”.

Dalam masyarakat Dayak mahupun Melayu di Kalimantan, apabila seseorang berasa pening kepala, loya atau mutah dan tidak selesa badan (atau *meriang* ‘badan terasa panas dan sejuk’), penyakit yang biasanya dianggap sebagai sejenis penyakit ringan ini akan dinamakan sebagai *pederak* ataupun *pedorak* (mengikut variasi bahasa setempat), apabila seseorang itu jatuh sakit kerana telah mengunjungi tempat seperti hutan atau kubur. Amalan pengubatan *pedorak* ini masih diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat di Kalimantan Barat. Cara masyarakat Melayu di Kalimantan Barat mengubatinya ialah dengan cara membaca mantera yang berkaitan (Hermansyah 2010; Karmila et al. 2023). Bagi suku Dayak Ketungau Sesat di Sekadau, Kalimantan Barat, perubatan tradisional ini dinamakan sebagai *untun' kedurok*. Dari segi definisi, *untun'* bermaksud menarik dan *kedurok* atau *pedurok* bererti penyakit yang disebabkan oleh seseorang disapa oleh orang yang telah meninggal. Seseorang yang *kedurok* ini dipercayai kerana gangguan makhluk ghaib atau roh orang yang telah meninggal. Dalam makalah ini akan diuraikan bagaimana masyarakat Ketungau Sesat di Kampung Bokak, Sekadau, Kalimantan Barat mengamalkan ritual *untun' kedurok* ini dan menilai sejauh manakah amalan *untun' kedurok* ini bertentangan dengan ajaran agama Katolik yang mereka anuti?

## PERMASALAHAN KAJIAN

Amalan perubatan tradisional di alam Melayu sangatlah banyak. Bahkan ada penyakit yang tidak dapat disembuhkan dengan rawatan perubatan di hospital justeru dapat disembuhkan secara tradisional. Amalan ini pada amnya menggunakan herba yang didapati daripada alam semula jadi. Namun ada juga perubatan yang magis atau berhubungan dengan alam ghaib. Perubatan tradisional ini telah diamalkan oleh masyarakat secara turun temurun secara lisan. Oleh itu, sulit untuk belajar tentang perubatan tradisional. Sejak kebelakangan ini semakin berkurangnya tetua atau bomoh yang dapat mengubati secara tradisional terlebih lagi yang bersifat magis yang syarat dengan pantang larang. Tambahan lagi, perkembangan ilmu pengetahuan tentang perubatan moden. Amalan perubatan tradisional akan terancam punah jika tidak didokumentasikan. Diakui memang di alam Melayu telah banyak dilakukan dokumentasi tentang perubatan tradisional, bahkan di Semenanjung lebih dari seratus tahun yang lalu Skeat (1900) telah mengusahakan dokumentasi terperinci dan mendalam tentang pengubatan tradisional Melayu. Kajian di Semenanjung terus berlangsung hingga abad ke-21 seperti kajian Haron (2001) tentang mantera Melayu di Pulau Pinang. Selain itu, kajian tentang perubatan tradisional masyarakat Iban banyak dilakukan oleh para sarjana di negeri Sarawak antaranya Sandin (1969) dan Sandin (1982); Robert et al. (2002); Sather (2001) dan lainnya.

Sedangkan di Kalimantan Barat kajian tentang perubatan tradisional agak terabaikan kalau pun ada hanya pada suku tertentu seperti kajian Schadee (1979) dalam bukunya yang bertajuk *Bijdrage tot de Kennis van den Godsdienst de Dayaks van Landak en Tayan* menceritakan tentang perubatan tradisional suku Dayak di Landak dan Tayan. Drake (1990) menyebut ritual *manang* suku Mualang salah satu rumpun Ibanik di Kalimantan Barat. Terdapat juga kajian tentang perubatan tradisional suku Taman di Kapuas Hulu, Kalimantan Barat oleh Bernstein (1997). Kajian terbaharu tentang ritual tolak bala untuk menghalau Covid-19 menular (Hendrikus et al. 2023). Masih banyak lagi ritual pengubatan tradisional suku-suku lain di Kalimantan Barat yang kurang mendapati sentuhan daripada para pengkaji seperti suku Ketungau Sesat di Sekadau. Kajian tentang *untun' kedurok* (dalam kajian Herlinus (2017) menggunakan istilah pedorak) suku Ketungau Sesat memang telah dilakukan oleh Herlinus (2017) dalam kajiannya menyatakan bahawa *untun' kedurok* merupakan pengubatan dalam kalangan kanak-kanak padahal *untun' kedurok* juga berlaku untuk orang dewasa. Kajian ini bermaksud untuk mengisi kelompangan daripada kajian tersebut demi mencapai objektif: (i) menambah kosa ilmu perubatan tradisional *untun' kedurok* daripada komuniti Ketungau Sesat yang lain, dan (ii) memerihalkan kaedah perubatan tradisional ini secara lebih menyeluruh dan holistik.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian antropologi linguistik yang menghuraikan tentang perubatan tradisional masyarakat Ketungau Sesat. Data dalam kajian ini merupakan data kualitatif yang diperoleh melalui kajian lapangan. Dalam kajian lapangan dilakukan secara pemerhatian ikut serta dan wawancara bersemuka. Ritual *untun' kedurok* memang tidak boleh dilafazkan jika tidak ada pesakit *kedurok*. Oleh itu, agak susah untuk mendapatkan sumber data dan perlu menunggu peluang yang sesuai. Berkat daripada salah seorang peneliti berasal dari Kampung Bokak, jadi boleh diketahui bila ritual *untun' kedurok* akan diadakan. Apabila terdapat orang yang berubat, peneliti akan terus mendekati dan mula melakukan kajian. Aktiviti *untun' kedurok* dalam kajian ini dirakam pada 17 Jun 2022, dukun yang mengendalikannya ialah seorang wanita kampung yang berusia 62 tahun. Selepas mengamati upacara tersebut, sesi temu bual untuk mendapatkan maklumat lanjut akan dilakukan dengan informan. Data hasil kajian lapangan yang dicatat dan dirakam akan diberi transkripsi serta diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

## LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Kampung Bokak merupakan salah satu kampung yang bersempadan dengan pekan Sekadau, sebuah pekan yang terkenal dengan sifat multilingual (Chong 2002, 2007, 2012). Dalam bahasa Ketungau Sesat, kata *Bokak* disebut sebagai [bekoʔ]. Nama ini diambil daripada nama sungai, iaitu Sungai Bokak, sebatang cabang anak Sungai Kapuas. Sungai ini menjadi sumber air utama kepada masyarakat Ketungau Sesat di kampung tersebut. Berdasarkan sastera lisan masyarakat Ketungau Sesat; Kampung Bokak berasal dari kawasan Munguk Telago. Selepas mereka diserang di Munguk Telago ketika zaman *Ngayau* (pemenggalan kepala), mereka memilih berpindah ke Sebumunt sekarang menjadi Sebumun. Di Kampung Sebumun mereka hidup dengan damai dan populasinya semakin berkembang menyusuri sepanjang jalan Sekadau-Sintang iaitu Kampung Bokak, Kampung Entada, Kampung Tekam dan Kampung Gonis Rabu.

Masyarakat Ketungau Sesat yang kini tinggal di Kampung Bokak pada asalnya merupakan kumpulan yang berpindah dari kampung Sebumun ke wilayah Ntawok Upang. Ketika tinggal di Ntawok Upang, mereka diserang wabak penyakit sehingga ramai yang mati. Oleh itu, mereka memutuskan untuk berpindah dan tinggal di beberapa kawasan yang berbeza, iaitu Ampar (Hulu Gunam), Landau (Pal 9 Sekadau) dan juga Semantan (Rumah Ataeh). Namun setelah kolonial Belanda membina sebatang jalan melintasi kawasan Semantan, penduduk di Ampar dan Landau memilih untuk berpindah ke kawasan Semantan (Rumah Ataeh) dengan membina rumah yang berbentuk rumah panjang. Di sebuah rumah panjang, akan dihuni dengan 20 hingga 40 keluarga (Hendrikus et al. 2023). Begitu juga dengan di Kampung Bokak. Kini rumah panjang sudah tidak dibenarkan lagi dan mereka tinggal di rumah tunggal. Pada amnya, rumah mereka tersebar di sepanjang jalan antara kabupaten yang sudah lama bertar iaitu jalan Sekadau-Sintang (kira-kira 10 km dari pekan Sekadau). Kedudukan Kampung Bokak adalah seperti dalam Peta 1 dan Peta 2.



Peta 1. Lokasi Lembah Kapuas dan Kampung Bokak



Peta 2. Lokasi kampung Bokak

Secara pentadbiran, Kampung Bokak termasuk dalam wilayah Desa Bokak Sebumbun, Kecamatan Sekadau Hilir, Kabupaten Sekadau (“kabupaten” setaraf dengan Bahagian di Malaysia). Berdasarkan statistik tahun 2023, jumlah penduduk di Desa Bokak Sebumbun adalah seramai 723 orang. Majoriti mereka merupakan orang Ketungau Sesat, salah satu suku dalam kelompok Ibanik; lihat kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh Collins (2021), Collins (2004), Chong (2002), Chong (2019) dan Chong (2021). Mereka mulai memeluk agama Katolik lebih kurang 70 tahun yang lalu. Walaupun telah memeluk agama Katolik, amalan ritual-ritual tradisional masih diamalkan dalam kalangan mereka, contohnya dalam pertanian, pengubatan tradisional dan sebagainya. Pada amnya masyarakat Ketungau Sesat di Kampung Bokak bekerja sebagai penoreh getah dan penanaman kelapa sawit. Selain itu ada juga yang bekerja sebagai pegawai kerajaan, guru dan sebagainya. Dari segi pertanian, terdapat segelintir daripada mereka masih mengamalkan ladang *ulir balik* atau pun ladang berpindah. Kes yang sama pernah dilaporkan oleh Hendrikus et al. (2023) terhadap masyarakat Ketungau Sesat di Belandung. Seperti yang telah dinyatakan di atas bahawa Kampung Bokak bersempadan dengan pekan Sekadau, kampung ini menikmati kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan jalan raya. Terdapat juga kemudahan masyarakat yang lain seperti gereja (Katolik) dan sekolah rendah. Bagi mendapati khidmat rawatan kesihatan, mereka akan ke Rumah Sakit Umum Sekadau (hospital umum) yang terletak di pekan Sekadau.

## HASIL KAJIAN

Dalam bahasa Ketungau Sesat, *pedurok* atau *kedurok* merupakan penyakit yang berhubung kait dengan ilmu magis atau ghaib. Menurut kepercayaan masyarakat Ketungau Sesat, seseorang itu *kedurok* kerana roh-roh orang yang telah meninggal menyapanya. *Kedurok* boleh terkena pada sesiapa sahaja, baik kanak-kanak mahu pun orang dewasa. Apabila berada dalam hutan, orang Ketungau Sesat percaya bahawa jika mendengar suara burung *beriak*, maka menandakan mereka telah disapa oleh roh orang yang sudah meninggal. Oleh itu, semasa mendengar suara burung *beriak*, mereka harus meludah dan melafazkan *cuib tabau, bayah ngacau ngaru kami yang agik idok diri dab mati* untuk menghindari daripada *kedurok*. Ada beberapa petanda seseorang mengalami *kedurok* iaitu loya, muntah, pening, sakit perut dan badan panas dingin. Oleh itu, perlu dilakukan ritual *untun' kedurok* terhadap pesakit. Terdapat beberapa tahapan dalam ritual *untun' kedurok* iaitu:

### Persiapan

Sebelum ritual *untun' kedurok*, terdapat beberapa bahan yang perlu disediakan, antaranya *kapu* (kapur yang digunakan untuk memakan sirih) boleh juga menggunakan arang di dapur (*arang tungku*), dan ceraian tikar berukuran kecil (*kerarik tikanu*) atau boleh diganti dengan benda lain seperti daun yang dikoyak. Setelah bahan-bahan disediakan, maka dukun atau tetua yang boleh *untun' kedurok* akan dipanggil untuk mengadakan ritual.

### *Menukar Darah Pesakit*

Proses *untun' kedurok* ialah kaedah penyembuhan dengan menarik rambut dan kata *untun'* merujuk kepada maksud tersebut dalam bahasa Ketungau. Seperti yang diketahui, rambut yang panjang akan mudah ditarik tetapi bagaimana dengan pesakit yang berambut pendek (biasanya lelaki)? Apabila berhadapan dengan kes sedemikian, kaedah perawatannya boleh diwakili oleh orang lain dan dinamakan sebagai *menukar darah*. Kaedah *menukar darah* ini merupakan sejenis simbolik sahaja dan bukan seperti prosedur pemindahan darah dalam perubahan moden. Amalan yang seperti ini turut dilakukan dalam pengubatan *pedorak* orang Melayu di Rawak, Sekadau (lihat Karmila et al. 2023). Proses *pertukaran darah* yang simbolik ini biasanya dijalankan antara pesakit dengan orang yang sudi menggantikan. Caranya ialah dengan mendekati dan menyentuh kepala pesakit ke kepala orang yang akan mewakilinya untuk ditarik rambut. Proses ini akan diiringi dengan pelafazan mantera *pertukaran darah*:

*Saok duo tigo empaek limok enam tujuh, darah (nama pesakit) pulang ke (nama perwakilan/pengganti), darah (nama perwakilan) pulang ke (nama pesakit), antu kedurok mansaeng ke pun buk.*

Terjemahan:

Satu dua tiga empat lima enam tujuh, darah (nama pesakit) tukar ke (nama perwakilan), darah (nama perwakilan) tukar ke (nama pesakit), hantu *kedurok* naik ke pangkal rambut.

Walaupun mantera yang dibacakan dalam kaedah *menukar darah* ini hanya sederhana namun diyakini memiliki kekuatan magis, iaitu berupaya “menukarkan” darah pesakit dengan darah orang yang mewakilinya. Setelah melakukan ritual pertukaran darah, maka ritual *untun' kedurok* akan dilakukan ke atas orang yang mewakilinya, iaitu rambutnya akan ditarik oleh dukun. Jika melihat kepada teks mantera, teks tersebut ada menyebut bahawa penyakit *kedurok* berpunca daripada gangguan hantu (*antu*) yang tinggal di pangkal rambut. Oleh itu cara mengubatinya ialah dengan menarik rambut.

### ***Betanyok***

Proses penarikan rambut dilakukan berulang kali sehingga menghasilkan bunyi; dalam bahasa Ketungau Sesat disebut sebagai bunyi *engkeretiek*. Sambil menarik rambut, tetua yang memimpin ritual akan bertanya (sebutan bahasa Ketungau Sesat, *betanyok*) kepada roh dengan mengucap mantera:

*Saok duo tigo empaek limok enam tujuh. Nemiak tuk tabin demam, apo nanyok neb nok? Anti (Nama Orang yang sudah meninggal) nanyok neb, engkeretiek untunt neb tuk, anti bukai lok nadai.*

Terjemahan:

Satu Dua Tiga Empat Lima Enam Tujuh, anak ini demam, siapa yang menyapanya? Kalau (nama orang yang sudah meninggal) yang menyapanya, maka tarikan rambut ini menghasilkan bunyi *engkeretiek*, kalau tidak maka tarikan ini tidak berbunyi.

Dalam mantera ini seolah-olah ada “komunikasi” antara tetua dengan roh orang yang telah meninggal. Roh yang telah meninggal menjawab apabila ramalan nama yang disebutkan betul dengan tanda rambut yang ditarik berbunyi. Namun, sebaliknya apabila tidak ada bunyi bererti bukan roh tersebut. Oleh itu tetua akan terus menarik rambut dengan disertakan pembacaan mantera sampai kedengaran bunyi tarikan rambut. Apabila ada bunyi rambut ketika menariknya, maka tetua akan mengucapkan:

*Krus semungaek (nama pesakit) pulang ke pai nai, ke menyadik, ke biliek ke lawaeng, ke tikau ulieh ngampau, ke kelamuk ulieh ngantueng, makai nasik putieb, ngirok aik jerenieb.*

Terjemahan:

*Krus semungaek* (nama pesakit) kembali ke ibu bapa, kepada para saudara mara, ke rumah ke kediamanmu, ke tikar yang terbuka lebar, ke kelambu yang tergantung, makan nasi putih, minum air jernih.

Frasa *krus semungaek* atau *kur semangat* sering dijumpa dalam mantera-mantera yang dilafazkan oleh pelbagai suku di Nusantara termasuk di Semenanjung, Malaysia. Ungkapan ini bertujuan untuk memanggil roh seseorang ataupun roh padi (lihat Skeat 1900). Dalam mantera ini, pelafazan *krus semungaek* bertujuan untuk menyuruh roh supaya kembali kepada ibu bapa, saudara mara dan ke rumah. Selain itu terdapat ungkapan doa supaya pesakit pulih, kembali ke tempat yang selesa dan dapat tidur dengan nyenyak. Ini ditunjukkan dalam frasa *ke kelamuk ulieh ngantueng*. Kelambu di sini merujuk kepada dapat tidur yang nyenyak kerana tidak diganggu oleh nyamuk. Kata *makai nasik putieb, ngirok aik jerenieb* (makan nasi dan minum air bersih) bermaksud dapat sembuh dan boleh makan dan minum semula (dengan baik).



Gambar 1. Proses *Untun' kedurok* seorang anak yang diwakili ibunya.

### ***Minto Pemulang***

Setelah memperoleh nama roh yang menyebabkan seseorang mengalami kedurok, tetua akan memohon agar roh atau *semungaek* pulang (*minto pemulang*) iaitu menjauhi daripada pesakit. Mantera akan dibacakan sambil menarik (*nguntun'*) rambut pesakit (ataupun orang yang mewakili pesakit), seperti berikut:

*Saok, duo, tigo, empaek, limok, enam, tujuh (nama pesakit) kedurok padai diseraruah (nama orang yang sudah meninggal), o... (nama orang yang sudah meninggal) galak ngai ngantaek nemiak tuk pulang? Anti galak neh lok ngkeretiek untunt neh tuk. O... (nama pesakit) pulang kinun, bayah ningo (nama orang yang sudah meninggal) nyerararuah mieh, nieh nadai kingaek neh ke nieh dah mati.*

Terjemahan:

Satu dua tiga empat lima enam tujuh, (nama pesakit) kedurok kerana disapa oleh (nama orang yang sudah meninggal), o... (nama orang yang sudah meninggal) apakah mahu menghantar rohnya pulang? Jika mahu, maka berbunyi *ngkeretiek* tarikan rambut ini. O... (K. Seru) (nama pesakit) pergilah pulang, jangan dengarkan (nama orang yang sudah meninggal) menyapa kamu, dia tidak ingat kalau dirinya sudah meninggal.

Dalam mantera di atas, nama yang disebut ialah nama pesakit walaupun rambut yang ditarik ialah orang yang menggantikannya. Dalam hal ini, apabila rambut yang dipilih itu setelah ditarik dan mengeluarkan bunyi, tetua akan mengulangi mantera yang dibacakan di tahap *betanyo*, iaitu *krus semengaek (nama pesakit) pulang ke pai pai, ke menyadik, ke biliek ke lawaeng, ke tikau ulieh ngampan, ke kelamuk ulieh ngantueng, makai nasik putieh, ngirok aik jerenieh*. Setelah selesai membaca mantera, tetua akan mengambil cebisan dari tikar untuk memutuskan beberapa helai rambut pesakit, disusuli dengan melafazkan mantera:

*Saok, duo, tigo, empaek, limok, enam, tujuh. Nimok segelo antu kedurok te nyuruh (nama pesakit) tabin demam, peraso insu-insu, pedieh palok, dalam luiik-luiik, pulang kinun! bayah ngacau e ngaru gelo anak nsio, kingaek dirik dah mati. Padam segelo antu kedurok, kedurok pulang ke (nama orang yang sudah meninggal yang menjadi penyebab pesakit sakit).*

Terjemahan:

Satu dua tiga empat lima enam tujuh. Membuang (menguras) segala roh jahat yang menyebabkan (nama pesakit) demam, meriang, sakit kepala, loya, pergi sekarang! jangan mengganggu segala anak manusia, ingatlah jika kamu sudah meninggal. Hilang segala hantu *kedorok*, *kedurok* pulang ke (nama orang yang sudah mati).

Dalam mantera ini, kata *nimok* sebenarnya bermaksud “menimba”, namun dalam konteks ini merujuk kepada “membuang” atau “menghalau segala roh yang menyebabkan sakit”. Selain itu terdapat dialog antara tetua dengan roh-roh tersebut. Tetua menyuruh roh tersebut pergi dan jangan mengganggu manusia serta mengingatkan bahawa dia sudah mati.

### ***Pengembalian darah***

Frasa “pengembalian darah” di sini juga merupakan simbolik untuk menukar kembali “identiti” yang telah bertukar dalam tahapan “pertukaran darah” (kerana rambut pesakit terlalu pendek dan menyulitkan ritual daripada dikendalikan). Dalam erti kata lain, pada tahap ini, adalah wajib “identiti” kedua-dua orang yang telah bertukar dikembalikan seperti yang asal. Jika tidak, dipercayai bahawa segala penyakit dan nasib kedua-dua orang ini akan tertukar selama-lamanya. Cara “mengembalikan darah” adalah lebih kurang sama dengan cara “menukar darah”, iaitu mendekati kedua-dua kepala pesakit dan wakilnya, dengan disertakan bacaan mantera:

*Saok, duo, tigo, empaek, limok, enam, tujuh. Darah (nama pesakit) pulang ke (nama pesakit), darah (nama perwakilan) pulang ke (nama perwakilan) antu kedurok pulang ke (nama orang meninggal yang menjadi penyebab pasien kedurok) tamah (nama orang yang sudah meninggal dan mengantar roh pesakit pulang).*

Terjemahan:

Satu dua tiga empat lima enam tujuh. Darah (nama pesakit) kembali ke (nama pesakit), darah (nama perwakilan) kembali ke (nama perwakilan) hantu kedurok kembali ke (nama orang meninggal yang menjadi penyebab pesakit kedurok) dan (nama orang meninggal yang menghantar roh pesakit pulang).

Tahap “pengembalian darah” ini diadakan susulan daripada telah melakukan “pertukaran darah”. Jika tiada “pertukaran darah”, maka tidak wujud tahap ini. Secara keseluruhannya, mantera “pemulangan darah” lebih kurang sama dengan mantera “menukar darah”, tetapi dengan tambahan iaitu unsur “pemulangan roh penyebab *kedurok* dan menyuruh roh tersebut menghantar roh pesakit kembali”. Setelah selesai “pengembalian darah”, kapur akan disapu di belakang, dada dan tapak kaki pesakit yang diikuti dengan melafazkan mantera:

*Selaeng tanah jak alah kenok tajak (nama pesakit) apai kelagik antu kedurok, abeh kenok sipak terajang neh jak am.*

Terjemahan:


Tanah sahaja kalah terkena pijak oleh (nama pesakit), apalagi hantu penyebab *kedurok*, hilang musnahlah terkena sepak terajang.





Gambar 2. Menyapu kapur di dada pesakit.

Secara keseluruhan, proses pengubatan *untunt kedurok* masyarakat Ketungau Sesat di lembah Sekadau dapat diringkaskan seperti berikut:



Rajah 1. Proses pengubatan untunt kedurok

## PERBINCANGAN

Di kawasan Borneo Barat, sesungguhnya suku Dayak dan Melayu selain saling berhubungan dalam interaksi sosial, juga ada pertalian erat dari segi genealogi. Dalam konteks ini, ramai suku Melayu yang tersebar di pedalaman Borneo Barat sebenarnya berasal dari keturunan Dayak. Hubungan genealogi ini telah jelas dinyatakan dalam King (1993), iaitu suku Dayak apabila memeluk agama Islam, akan mengalihkan bahasa dan identiti mereka sebagai orang Melayu. Salah satu contoh fenomena "masuk Melayu" di era kontemporari telah dilaporkan dalam kajian Yusriadi & Hermansyah (2003). Menurut kajian mereka, orang Melayu Embau di hulu Sungai Kapuas, Kalimantan Barat pada asalnya merupakan suku Dayak dan komuniti tersebut telah memeluk agama Islam. Dalam generasi berikutnya, mereka telah menganut identiti Melayu sebagai identiti kelompok mereka. Dari konteks tempatan, orang Melayu yang berketurunan Dayak dinamakan dengan istilah "Melayu Senganan". Dari segi hubungan sosial pula, bahkan dicatatkan oleh Dunselman (1955) bahawa dalam mantera yang diamalkan oleh suku Dayak Mualang (*Landi Djerih*) mengandungi bahagian khusus yang memuji kebijaksanaan pemerintah Melayu di lembah Belitang. Daripada kedua-dua contoh ini, dapat disahkan bahawa suku Dayak dan Melayu walaupun berbeza dari segi afliasi suku etnik dan agama, namun terdapat hubungan sosial dan genealogi yang menjalinkan mereka. Bagaimana dengan aspek kebudayaan? Adakah wujud hubungan kebudayaan, selain hubungan sosial dan genealogi?

Melalui kajian ini, sudah dikenalpasti bahawa suku Dayak dan Melayu di lembah Sekadau (Kalimantan Barat) mempunyai hubungan kebudayaan dari segi budaya perubatan tradisional, iaitu *untun' kedurok*. Suku Melayu yang tinggal di Rawak, lembah Sekadau didapati turut mengamalkan kaedah perawatan ini dan kaedah ini dinamakan sebagai *Sintak Pedorak* dalam variasi Melayu tempatan. Dari segi kaedah, tinjauan perbandingan terhadap kajian Karmila (2023) mendapati bahawa terdapat banyak persamaan dari segi kepercayaan (iaitu percaya penyakit ini berpunca daripada gangguan makhluk ghaib), prosedur pengubatan (seperti “penukaran darah”, penggunaan mantera dan sebagainya). Persamaan ini jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan kebudayaan yang erat antara *untun' kedurok* dan *sintak pedorak*, yang diamalkan oleh dua suku etnik yang berbeza di Borneo. Adakah persamaan dari segi amalan perubatan ini boleh ditafsirkan sebagai terdapat pewarisan kebudayaan, iaitu daripada identiti asal ke identiti yang baharu (maksudnya, selepas suku Dayak menukar identiti mereka menjadi “Melayu”)? Ataupun amalan ini merupakan amalan sejagat yang memang secara tradisi dimiliki bersama, baik oleh suku Dayak mahupun Melayu? Persoalan ini sesungguhnya wajar dikaji pada masa hadapan.

Seperti yang telah dibincangkan di atas, *untun' kedurok* merupakan tradisi pengubatan tradisional yang telah lama diamalkan oleh masyarakat Ketungau Sesat dan kajian Karmila (2023) menyatakan bahawa amalan ini juga dipraktikkan oleh “masyarakat Sekadau” (termasuk orang Melayu). Jadi ini bermaksud bahawa amalan perubatan ini merupakan kebudayaan yang merentasi batas etnik. Bagi kes masyarakat Ketungau Sesat, amalan ini masih berlaku sampai hari ini, walaupun mereka telah memeluk agama Katolik lebih kurang 70 tahun yang lalu. Kajian mendapati bahawa agama Katolik tidak melarang umatnya mengamalkan sesuatu kebudayaan yang tidak bercanggahan dengan ajaran gereja. Bagi konteks amalan ritual *untun' kedurok* oleh masyarakat Ketungau Sesat, justeru kerana amalan ini percaya bahawa manusia memiliki roh (yang disebut *semengae*). Roh-roh yang berkaitan dibahagikan mengikut kategori roh manusia yang hidup (pesakit) dan manusia yang sudah mati. Gangguan daripada roh yang telah mati ke atas roh orang yang masih hidup seterusnya menyebabkan seseorang itu sakit (*kedurok*). Kepercayaan masyarakat Ketungau Sesat tentang adanya roh manusia sejalan dengan fahaman agama Katolik yang mereka anuti. Ini kerana dalam ajaran agama Katolik, kewujudan roh juga diakui dan roh manusia setelah mati ada dua kemungkinan, iaitu akan masuk ke syurga (jika mengikut ajaran gereja) atau masuk ke neraka (jika tidak mengikut ajaran gereja); lihat Pranadi (2018). Namun demikian, kepercayaan yang animisme tidak boleh disejajarkan dengan amalan keagamaan dengan sepenuhnya. Ini kerana animisme adalah fahaman atau doktrin yang berkaitan dengan roh dan semangat, iaitu percaya bahawa setiap objek yang wujud di persekitaran seperti batu, kayu, angin dan lain-lain mempunyai roh atau jiwa. Roh-roh ini berbeza daripada manusia tetapi boleh mempengaruhi kehidupan manusia (Zamzuri et al. 2019).

## KESIMPULAN

Secara kesimpulan, kajian ini telah berjaya menghuraikan amalan perubatan tradisional *untun' kedurok* masyarakat Ketungau Sesat yang masih diamalkan sehingga ke hari ini. Amalan *untun' kedurok* masih dipercayai oleh sebahagian besar masyarakat Ketungau Sesat di Kampung Bokak terutamanya golongan yang berumur 30 tahun ke atas. Namun demikian, ramai daripada mereka tidak mampu melafazkan mantera yang digunakan dalam *untun' kedurok* sehingga warisan ini terancam kepupusan. Mengikut kepercayaan mereka, *kedurok* adalah disebabkan oleh gangguan daripada roh-roh orang yang telah meninggal. Arwah atau roh tersebut dipercayai telah lupa bahawa diri mereka telah meninggal kerana terdapat bait dalam mantera *untun' kedurok* yang memberi peringatan kepada “mereka” bahawa “mereka” telah meninggal. Ketika amalan *untun' kedurok* berlangsung, mantera yang dilafazkan juga agak sederhana iaitu dukun menyampaikan mesej kepada roh yang telah meninggal dan tiada unsur pemujaan berhal. Oleh itu, tiada larangan daripada gereja Katolik untuk mengamalkan ritual ini. Pihak gereja cuma tidak menggalakkan amalan ini diadakan sahaja. Melalui pendokumentasian dan pentafsiran isi kandungannya, kajian ini telah menyumbangkan input tambahan kepada koleksi kajian mengenai budaya watan di alam Melayu, khasnya di Kalimantan Barat. Sebenarnya, banyak lagi warisan tak ketara yang dimiliki oleh masyarakat Ketungau Sesat dan perlu ada kajian-kajian yang tuntas dan luas.

## RUJUKAN

- Bernstein, Jay H. 1997. *Spirits captured in stone: shamanism and traditional medicine among the Taman of Borneo*. Colorado: Lynne Rienner Publishers.
- Chong Shin. 2002. Sosiolinguistik Golongan Minoriti di Sekadau, Kalimantan Barat. *Majalah Dewan Babasa* 2(6): 52-57.
- Chong Shin. 2007. Masyarakat Tionghoa Kalimantan Barat: Tinjauan Pemilihan Bahasa di Kota Sekadau. *Linguistik Indonesia* 25(1): 19.
- Chong Shin. 2012. *Masyarakat Multilingual dan Pemilihan Bahasa: Minoriti Tionghoa di Kota Sekadau, Pulau Borneo*. Jakarta: Universitas Atma Jaya
- Chong Shin. 2015. Fonologi Variasi Kumpang di Sungai Ketungau: Analisis Perbandingan. *Issues in Language Studies* 4(1).
- Chong Shin. 2019. *Bahasa Ibanik di Borneo Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Shin. 2021. Iban as a Koine Language in Sarawak. *Wacana* 22(1).
- Collins, James T. 2004. Ibanic language in Kalimantan Barat, Indonesia: Exploring nomenclature, distribution and characteristics. *Borneo Research Bulletin* 35:17- 47.
- Collins, James T. 2021. *Keberagaman Bahasa dan Etnisitas di Kalimantan Barat*. Pontianak: Indonesia Melestarikan Bahasa Ibu.
- Drake, Richard Allen. 1990. A Grain of Truth in the Story of Tembawang Tampun Juah. Dalam Collins, James T. (Ed). *Language and Oral Traditional in Borneo*, hlm. 51-60. Kuching: Borneo Research Council Proceedings Series.
- Dunselman, P.D., 1955. Kana Sera. Zang der Zwangerschap. *Verhandelingen van het Koninklijk Instituut voor Taal -, Land- en Volkenkunde*, XVII. s-Gravenhage: Martinus Nijhoff.
- Haron Daud. 2001. *Mantera Melayu: Analisis Pemikiran* Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia
- Hendrikus Mangku, Chong Shin & James T. Collins. 2023. Adat Tolak Bala Pandemik Covid-19 dalam Masyarakat Mualang di Belitang, Kalimantan Barat. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 11(3): 3 – 12.
- Hendrikus Mangku, Elin Sesilia, Caecilia Margareta Emel & Chong Shin. 2023. Meninjau Perladangan Ulir Balik Dan Peralihan Ekonomi Masyarakat Ketungau Sesat Di Sekadau, Kalimantan Barat, Indonesia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 7(1): 107-118.
- Herlinus. 2017. Sintak Pedorak: Pengobatan Tradisional Anak Suku Dayak Ketungau Sesaek Kabupaten Sekadau, Kalimantan Barat. Tesis Sarjana Muda, Universitas Brawijaya.
- Hermansyah. 2010. *Ilmu Gaib di Kalimantan Barat*. Jakarta: Perpustakaan Populer Gramedia, EFEO, KITLV, dan STAIN Pontianak.
- Karmila, Arkanudin, Adi Suryadi & Ignasia Debbye Batuallo. 2023. Sintak Pedorak: Metode Pengobatan Tradisional Etnis Melayu Rawak Sekadau Kalimantan Barat. *Ideas: Jurnal Pendidikan, Sosial, dan Budaya* 9(2): 369 - 376.
- King, V. 1993. *The people of Borneo*. Oxford: Blackwell.
- Pranadi, Yosep. 2018. Kematian dan Kehidupan Abadi: Sebuah Eksplorasi Dalam Perspektif Gereja Katolik. *Melintas* 34(3): 248-271.
- Robert Menua Saleh, Jantan Uambat, Janang Ensiring & Sather, Clifford. 2002. *Pelian*. Kuching: The Tun Jugah Foundation.
- Sandin, Benedict. 1969. *Pengap Gawai Sakit*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Sandin, Benedict. 1982. Mythological origins of Iban shamanism. *Sarawak Museum Journal* 32: 235-250.
- Sather, Clifford. 2001. *Seeds of play, words of power: an ethnographic study of Iban Shamanic Chants*. Kuching: The Tun Jugah Foundation.
- Schadee, M.C. 1979. *Bijdrage tot de Kennis van den Godsdienst de Dayaks van Landak en Tayan (Kepercayaan Suku Dayak di Tanah Landak dan Tayan)*. Jakarta: Yayasan Indayu.he
- Skeat, Walter William. 1900. *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Region of the Malay Peninsula*. New York: Dover Publication.
- Yusriadi & Hermansyah. 2003. *Orang Embau: Portret masyarakat pedalaman Kalimantan*. Pontianak: STAIN Press.
- Zamzuri Bin Zainol, Nur Atiqah Binti Mohd Nagib, Mohamad Najimie Bin Mohamad Sani & Mohd Fitri Haris Bin Ibrahim. 2019. Fungsi Agama Sebagai Suatu Sistem Undang-Undang,

Moral dan Ideologi bagi Masyarakat Mah Meri. [https://www.researchgate.net/publication/341447655\\_JKA\\_321\\_-Agama\\_dan\\_Masyarakat](https://www.researchgate.net/publication/341447655_JKA_321_-Agama_dan_Masyarakat)

Hendrikus Mangku  
Institut Teknologi Keling Kumang, Sekadau  
Email: h.hendrikus@yahoo.com

Chong Shin, Ph.D  
Felo Penyelidik Kanan  
Institut Alam dan Tamadun Melayu,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: chongshin@ukm.edu.my

Dominikus Dewanda  
Institut Teknologi Keling Kumang, Sekadau  
Email: h.hendrikus@yahoo.com

Diserahkan: 20<sup>th</sup> October 2023  
Diterima: 20<sup>th</sup> November 2023  
Diterbitkan: 31<sup>st</sup> December 2023